



22120185



MALAY A1 – HIGHER LEVEL – PAPER 1
MALAIS A1 – NIVEAU SUPÉRIEUR – ÉPREUVE 1
MALAYO A1 – NIVEL SUPERIOR – PRUEBA 1

Thursday 10 May 2012 (morning)

Jeudi 10 mai 2012 (matin)

Jueves 10 de mayo de 2012 (mañana)

2 hours / 2 heures / 2 horas

INSTRUCTIONS TO CANDIDATES

- Do not open this examination paper until instructed to do so.
- Write a commentary on one passage only.
- The maximum mark for this examination paper is *[25 marks]*.

INSTRUCTIONS DESTINÉES AUX CANDIDATS

- N'ouvrez pas cette épreuve avant d'y être autorisé(e).
- Rédigez un commentaire sur un seul des passages.
- Le nombre maximum de points pour cette épreuve d'examen est *[25 points]*.

INSTRUCCIONES PARA LOS ALUMNOS

- No abra esta prueba hasta que se lo autoricen.
- Escriba un comentario sobre un solo fragmento.
- La puntuación máxima para esta prueba de examen es *[25 puntos]*.

Tulis sebuah ulasan mengenai **satu** daripada petikan-petikan berikut:

1.

Adakah semua perempuan yang baik itu mesti melahirkan anak? Badrun memendamkan soalan itu di lubuk hatinya. Dia yakin emaknya tahu menilai. Mustahil tidak, emaknya rajin menghadiri kuliah agama di surau dan masjid. Tentu cakap-cakap ustaz di situ berbekas juga di hati emaknya.

5 Ah, hati orang tua! Kesunyian selalu membuatkan mereka mendambakan cucu. Badrun tahu dia tidak mampu mengawal keinginan emaknya itu. Memang sunyi tanpa zuriat. Teman sekerja dan sekuliahnya sering mengusik agar dia beristeri lagi. Hatinya berbelah bagi.

 “Kenyataan itu yang tak sanggup saya terima, Encik Badrun,” terang Zurina.

10 “Encik Badrun tak boleh jadikan anak sebagai alasan untuk bernikah dengan saya. Saya tak berani terima, kalau bukan atas desakan Nuraini. Saya kenal dengan dia...” Badrun terkenangkan perbualannya dengan sahabat baik isterinya itu.

 Di kamar, Nuraini masih sedu-sedan. Tergambar lagi wajah Zurina dalam pertemuan senja semalam. Suara Zurina yang bergetar di sebalik bibir yang sederhana cukup menggambarkan kejujurannya. Hanya Nuraini sahaja yang sukar melawan perasaan cemburunya.

15 “Aku cuma ingin tahu kebenarannya, Nur. Adakah engkau yang mendesak dia demi anak?” Tanya Zurina dengan begitu jujur.

 “Engkau rasa?” Tukas Nuraini. Terasa seperti jarum yang menikam jantungnya.

 “Aku tak tahu,” balas Zurina. Dia beredar setelah melihat perubahan air muka Nuraini. Debaran dadanya tidak tertahan-tahan.

20 Beberapa hari telah berlalu. Zurina tetap tidak nampak kelibatnya. Adakah dia takut atau malu kerana peristiwa senja itu? Atau sengaja dia hendak mengelakkan sergahannya? Ah, perempuan yang terdesak seperti Zurina, barangkali sanggup menerima sesiapa sahaja.

 “Kau bila lagi, Rina?” Nuraini teringat peristiwa dua tahun lalu sewaktu mengunjungi Zurina bersama-sama Badrun.

25 “Sebelum jodohku sampai, aku mesti bersedia menjadi orang yang baik, Nur.” Zurina tergelak kecil. Nuraini turut tertawa. Badrun tumpang sekaki.

 Ah, kalau baik, kenapa sanggup mengkhianatiku? Meruntuhkan kebahagiaanmu? Nuraini berbisik kepada diri sendiri.

30 “Kalau awak baik, kenapa sanggup menuduh dia yang bukan-bukan? Awak belum pasti sama ada dia benar-benar menerima saya atau tidak!” Nuraini terkenangkan pula pertengkaran kecilnya dengan Badrun apabila dia membangkitkan persoalan itu semalam.

 “Yalah, waktu abang tak ada, kelibat dia yang selalu lalu di sini pun tak nampak!”

35 “Awak menyangka dia bersama saya?” Badrun memancing. Nuraini membisu. Dalam fikirannya padat dengan pelbagai persoalan. Rusuhan syaitan dan bimbingan akal bercampur baur menguasai batinnya.

 “Kenapa abang suruh dia yang tanya saya? Kenapa tidak abang sendiri yang bersuara?”

 “Aku tak nampak jalan lain,” balas Badrun ringkas.

 “Walaupun itu dusta!” Mata Nuraini masih merah.

 “Hakikatnya kita masih belum punya anak!” Tegas Badrun.

40 Babak tikam lidah suami isteri itu terhenti apabila terdengar orang memberi salam. Nuraini beredar ke muka pintu. Badrun mengekorinya. Kelihatan Zurina berbaju kurung Johor biru muda, lengkap bermini telekung menghadiahkan senyuman kepada mereka di sisi seorang jejaka tampan.

“Nuraini, apa khabar?” Salam berhulur. Nuraini menyambutnya kaget.

45 “Kenalkan, ini Zulhelmi, suami saya.” Zurina memperkenalkan jejaka di sisinya. Sambungnya, “kami bernikah di rumah ayah, di Selangor.” Kad undangan persandingan bertukar tangan. Nuraini yang membaca kad itu terlopong memandang suaminya tanpa kata!

Saadiah Ibrahim, *Hati Perempuan* (2007)

2.

Bala Perang Kami

Betapa nasib diri kami malang
puluhan tahun tidak kenal senang
abad karam di samudera perang
hampir semuanya hilang.

- 5 Kami tidak punya apa-apa
kecuali bumi dan manusia
tangan mereka kosong
ada fikiran sekadar bermenung
ada suara sekadar melaung
10 habis musnah jalan dan gedung
ketua dan cendekiawan meraung
hilang di serata kampung.

- Kita bersaudara kerana sama wilayah.
Kita berbeza kerana hidup yang payah
15 dekat atau jauh perjalanan sukar sama.
Tolong kami, bantu kami di gelap malam
berikan kami lampu bertenaga juang
buat menerangi segala arah gelap kemajuan
lihatlah kami akibat musibat bala perang
20 sungguhpun ada kail, tidak berumpan
sungguhpun ada benih, tiada upaya siram
ada khazanah jauh tersembunyi
belum sanggup kami teroka mengkaji.

- Kami mahu tegak berdiri
25 berubah ke depan dalam janji
ditaburi harum mawar jati diri
kerana kami kasihkan agama
maka kami sayangkan bahasa
kerana kami pelihara budaya
30 kami tetap cintakan bangsa.

A Aziz Deraman, *Kumpulan Puisi Gapura Diri* (2002)
